HongLeong Assurance

RISALAH PENDEDAHAN PRODUK

Nota Penting: Produk ini ditaja jamin oleh Hong Leong Assurance Berhad, sebuah syarikat insurans yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia. Sila rujuk kontrak polisi untuk definisi istilah yang huruf besar.

Pelanggan yang dihormati,
Risalah Pendedahan Produk ini memberikan anda maklumat utama mengenai insurans hayat anda. Pelanggan lain telah membaca Risalah Pendedahan Produk ini dan mendapati ia membantu; **anda juga digalakkan untuk membaca Risalah Pendedahan Produk ini.**

1 Apakah Cancer Shield Care?

Cancer Shield Care ialah pelan tanpa penyertaan yang menawarkan perlindungan untuk semua peringkat Kanser dan perlindungan sekiranya berlaku kejadian pertama kematian atau Hilang Keupayaan Menyeluruh dan Kekal (TPD) (sebelum mencapai umur 65 tahun) untuk tempoh perlindungan selama 10 tahun.

2 Ketahui Perlindungan/Faedah Anda

Sebagai ilustrasi, dengan premium tahunan sebanyak **RM861.00** yang dibayar pada **tahun pertama**, anda akan menerima **perlindungan/faedah** insurans hayat berikut.
Perlindungan yang dinyatakan dalam jadual di bawah adalah untuk Hayat Diinsuranskan, kecuali dinyatakan sebaliknya.

Faedah Kanser	• Kami akan membayar peratusan daripada Jumlah Asas Diinsuranskan **(RM100,000.00)** berdasarkan Peringkat Kanser seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah: **Peringkat Kanser** / **Peratusan daripada Jumlah Asas Diinsuranskan (%)** Kanser Sangat Awal: 50 Kanser Awal: 150 Kanser Lanjutan: 300 • Jumlah keseluruhan yang perlu dibayar bagi faedah ini adalah terhad kepada 300% daripada Jumlah Asas Diinsuranskan. • Kami akan mengurangkan jumlah faedah yang perlu dibayar berkenaan dengan setiap Peringkat Kanser seperti yang dinyatakan dalam jadual di atas dengan sebarang bayaran terdahulu bagi Kanser jenis organ yang sama. • Kami membenarkan tuntutan berganda bagi Peringkat Kanser Sangat Awal dan Peringkat Kanser Awal dengan syarat tuntutan tersebut adalah berkenaan dengan berbeza jenis Kanser yang menjejaskan organ yang berbeza. Sekiranya tuntutan berganda dibuat bagi Peringkat Kanser Sangat Awal dan/atau Peringkat Kanser Awal, kami akan membayar jumlah yang lebih rendah antara: ○ amaun yang boleh dituntut untuk Peringkat Kanser berikutnya; atau ○ perbezaan antara jumlah maksimum tuntutan dan agregat pembayaran terdahulu. • Kami akan menamatkan polisi ini sekiranya jumlah tuntutan di bawah faedah ini telah mencapai 300% daripada Jumlah Asas Diinsuranskan.
Faedah Kematian dan Faedah Hilang Keupayaan Menyeluruh dan Kekal (TPD)	• Sekiranya berlaku kejadian pertama sama ada kematian atau TPD (sebelum mencapai umur 65 tahun), kami akan membayar Jumlah Asas Diinsuranskan. • Kami akan membayar Faedah TPD berdasarkan peruntukan TPD. • Setelah pembayaran Faedah TPD, kami akan mengurangkan Faedah Kematian dengan sewajarnya. Kami akan membayar sebarang baki Faedah TPD sekiranya kematian berlaku dalam tempoh polisi. • Kami akan menamatkan polisi ini selepas kelulusan tuntutan Faedah Kematian.
Faedah Pembayar	Sekiranya kelulusan tuntutan untuk Kanser atau TPD, kami akan mengecualikan semua bayaran premium yang perlu dibayar pada masa depan, bermula dari tarikh bayaran premium seterusnya berikutan tarikh kejadian Kanser atau TPD.
Pelanjutan Perlindungan	Kami akan melanjutkan perlindungan polisi ini untuk tempoh tambahan selama 2 tahun polisi selepas tamat tempoh polisi ini untuk melindungi Kanser Lanjutan, dengan syarat terdapat tuntutan sama ada Kanser Sangat Awal dan/atau Kanser Awal untuk jenis yang sama atau organ yang sama diterima sebelum tamat tempoh polisi.

Sila rujuk Risalah Maklumat Produk dan kontrak polisi untuk maklumat lanjut.

Insurans hayat anda **mengecualikan**:

- Kanser:
  - i) Keadaan kesihatan yang telah anda alami sebelum membeli polisi ini (iaitu keadaan pra-wujud).
  - ii) Semua Kanser yang wujud atau diagnosis dalam tempoh 60 hari dari Tarikh Penerbitan, Tarikh Berkuatkuasa Pemindaan, atau Tarikh Pengembalian Semula Polisi Asas ini, mana-mana yang terkemudian;
  - iii) Semua jenis Kanser yang diklasifikasikan secara histologi sebagai:
    - ○ Pra-malignan (contohnya neoplasia intraepitelium serviks/CIN I, II, atau III, trombositemia penting, polycythemia rubra vera) atau sama ada mempunyai malignan sempadan/potensi malignan rendah; dan/atau
    - ○ Karsinoma in situ (kecuali Ductal carcinoma in situ payudara, Carcinoma in situ serviks dan Carcinoma in situ kolon).
  - iv) Semua Kanser kulit kecuali melanoma maglinan yang mempunyai > 1.5mm tebal atau Kanser kulit metastatik.
  - v) Semua Kanser yang dikaitkan dengan jangkitan HIV.
  - vi) Kegagalan yang tidak munasabah untuk mengikut rawatan perubatan.
  - vii) Kanser Sangat Awal dan Kanser Awal sekiranya berlaku Kematian Hayat Diinsuranskan dalam tempoh 7 hari selepas tarikh diagnosis Kanser.
  - viii) Kanser Lanjutan sekiranya berlaku Kematian Hayat Diinsuranskan dalam tempoh 28 hari selepas tarikh diagnosis Kanser.
- Bunuh diri – sekiranya kematian disebabkan oleh bunuh diri dalam tempoh **12** bulan dari Tarikh Penerbitan, Tarikh Berkuatkuasa Pemindahan, atau Tarikh Pengembalian Semula, mana-mana yang terkemudian.
- TPD akibat daripada:
  - i) ketidakupayaan yang menyebabkan TPD wujud pada Tarikh Penerbitan, Tarikh Berkuatkuasa Pemindaan, atau Tarikh Pengembalian Semula, mana-mana yang terkemudian.
  - ii) sebarang kecederaan diri sendiri yang disengajakan, sama ada dalam keadaan siuman atau tidak siuman.

SAMPLE

Risalah Pendedahan Produk ini mengandungi 2 muka surat dan setiap muka surat membentuk sebahagian daripada Risalah Pendedahan Produk. Bakal Pemunya polisi adalah dinasihatkan untuk membaca dan memahami maklumat yang tercetak pada setiap muka surat.

Cancer Shield Care Version 1.0 – Kemas Kini 1 Jan 2026 – E&OE -

Level 3, Tower B, PJ City Development, No. 15A, Jalan 219, Seksyen 51A, 46100 Petaling Jaya, Selangor.
Tel: 03 - 7650 1288 Laman Web: www.hla.com.my

iii) penerbangan dalam pesawat (kecuali sebagai anggota kru, atau sebagai penumpang biasa yang membayar tambang, dalam penerbangan berjadual secara tetap bagi syarikat penerbangan komersial); atau
iv) sebarang semasa berkhidmat sebagai anggota tentera, polis, dan pasukan separa tentera akibat peperangan yang diisytiharkan atau tidak diisytiharkan, rusuhan atau kekacauan awam.

Nota: Sila rujuk kepada Risalah Maklumat Produk atau kontrak polisi untuk butiran pengecualian.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan mengenai insurans hayat anda, anda boleh:

Hubungi kami di:
03-7650 1288

Layari kami di:
https://www.hla.com.my/ms/home.html

E-mel kami di:
customerservice@hla.hongleong.com.my

Imbas kod QR untuk
Risalah Maklumat Produk

3 Ketahui Tanggungjawab Anda

Untuk insurans hayat ini, anda mesti membayar premium sebanyak:	
Premium	Premium tahunan sebanyak **RM861.00** akan dibayar pada **tahun pertama.**
Tempoh: **10** tahun	
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:	
Jumlah Komisen	Tiada komisen yang perlu dibayar untuk polisi ini.
Caj lain yang berkenaan	Yuran Pemasaran/yuran rujukan/sebarang jenis yuran berkaitan promosi lain (jika berkenaan).

4 Terma Utama Lain

- Anda mestilah mendedahkan semua fakta penting seperti keadaan kesihatan dan menyatakan umur anda yang betul. Jika tidak, anda mungkin berisiko tuntutan anda ditolak atau polisi ditamatkan.
- Pembayaran premium selepas tempoh penangguhan mungkin menyebabkan polisi luput dan boleh menjejaskan pembayaran faedah pada masa hadapan.
- Anda harus memastikan bahawa polisi ini akan memenuhi keperluan anda dan bahawa premium yang perlu dibayar di bawah polisi ini adalah jumlah yang mampu anda bayar.

Nota: Senarai ini **tidak lengkap.** Anda harus merujuk kepada Risalah Maklumat Produk atau kontrak polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.

Bolehkah saya membatalkan polisi saya?
Ya, anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberikan notis bertulis kepada kami.

- **Tempoh bertenang**: Anda boleh membatalkan polisi anda dalam tempoh 15 hari selepas polisi anda diserahkan kepada anda. Premium yang telah anda bayar (tolak sebarang perbelanjaan perubatan yang dikenakan) akan dikembalikan kepada anda.
- **Selepas tempoh bertenang**: Anda boleh membatalkan polisi anda dan kami akan membayar nilai penyerahan tunai (jika berkenaan), tolak sebarang jumlah yang anda berhutang dengan kami.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi/produk yang layak dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Hong Leong Assurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

NOTA PENTING:
MEMBELI POLISI INSURANS HAYAT MERUPAKAN KOMITMEN KEWANGAN JANGKA PANJANG. ANDA MESTILAH MEMILIH JENIS POLISI YANG PALING SESUAI DENGAN KEADAAN PERIBADI ANDA. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS ATAU MENGHUBUNGI SYARIKAT INSURANS SECARA LANGSUNG UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

SAMPLE